



27 JAN, 2025

NGO, swasta digesa bantu murid kurang mampu

Berita Harian, Malaysia



NGO, swasta digesa bantu murid kurang mampu

Kuala Lumpur: Lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta disaran tampil memberikan sumbangan persekolahan bagi meringankan beban keluarga yang tidak berkecukupan.

Isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata usaha itu dapat mengelak keciciran pelajar disebabkan masalah kewangan serta dilihat sebagai pelaburan masa depan negara.

"Negara membangunkan pelbagai pendidikan terutama AI (kecerdasan buatan) dan digital, jadi apabila kita khususkan supaya anak kita terdidik dalam bidang berkenaan, (tidak rugi) jika kita melabur sekarang.

"(Jangka panjang) kita ada tenaga kerja dan kemahiran supaya orang yang melabur ini dapat (manfaat), ini situasi menang-menang kepada semua," katanya selepas menyampaikan sumbangan pada Program Kembali Ke Sekolah dan penyerahan sumbangan khas kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah di Parlimen Bandar Tun Razak bagi 2025 di sini, semalam.



Dr Wan Azizah pada Program Kembali Ke Sekolah dan Penyerahan Sumbangan Khas Kepada PIBG sekolah di Parlimen Bandar Tun Razak bagi 2025 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto BERNAMA)

Seramai 1,000 pelajar sekolah menengah dan rendah di Parlimen itu menerima sumbangan beg daripada Yayasan MyPrihatin serta baucar pakaian RM100 oleh Amanah Iktiar Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan Yayasan Gerbang Bandar Tun Razak, manakala 23 PIBG menerima, sumbangan keseluruhan ber-

jumlah RM115,000.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Wan Azizah menzahirkan kesyukuran atas kemurahan hati penyumbang untuk membantu golongan memerlukan sebagai antara usaha menjamin keajiakan dan kesejahteraan rakyat seiring agenda negara Membangun Malaysia MADANI. BERNAMA